

Peningkatan industri perlu berterusan

B.H 17 AUG 1993

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara harus meningkatkan keupayaan industri secara berterusan bagi membolehkannya mengekalkan daya saing seiring dengan peningkatan aktiviti dan industri cang-gih.

Menurut Perdana Menteri, daya saing adalah proses dinamik yang perlu ditingkatkan setiap masa serta memerlukan

usaha yang berterusan semua pihak.

Sambil mengingatkan usaha mengekalkan daya saing harus menjadi perhatian utama setiap rakyat, beliau berkata keadaan kini semakin kritikal kerana kekuatan sesebuah negara bergantung kepada kekukuhan ekonomi dan bukan kuasa ketenteraan.

“Walaupun hanya negara kecil di arena antara-

bangsa, Malaysia perlu mempunyai daya saing supaya hasil keluaran negara boleh dieksport walaupun berhadapan dengan sekatan perlindungan.

“Kejayaan Malaysia mengekalkan daya saing barangan eksport membolehkan Malaysia tergo-long sebagai sebuah negara industri dalam laporan World Competitive Report,” katanya di majlis pelancaran Forum Daya Saing Kebangsaan kali

pertama, di sini, hari ini.

Forum itu dianjurkan bersama oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti); Majlis Perdagangan Malaysia (MBC) dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS).

Hadir sama ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Datuk Abu

Hassan Omar dan Ketua Pengarah Isis, Dr Nordin Sopiee.

Forum itu dihadiri oleh pegawai tinggi kerajaan; ahli perniagaan; tokoh korporat dan industri serta ahli akademik.

Dr Mahathir berkata, kedudukan ekonomi Malaysia di belakang Singapura, Hong Kong dan Taiwan adalah lebih baik daripada kebanyakan negara dalam rantau Asia Timur.